

KENYATAAN JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM
JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
Bilangan: PDT/97/1967/3 - 2023

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong akan mengadakan jualan secara tawaran awam harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi seperti dibawah:

- 1. SEBUAH (1) MITSHUBISI TIPPER TRUCK - BG5922**
- 2. SEBUAH (1) MITSHUBISI ROSA MINI BUS - BG 885**
- 3. SEBUAH (1) TIPPER TRUCK - BG 9794**
- 4. SEBUAH (1) HINO TIPPER TRUCK - BG 8052**
- 5. SEBUAH (1) MITSUBISHI TIPPER TRUCK - BG 9499**
- 6. SEBUAH (1) HINO TIPPER TRUCK - BG 8051**
- 7. SEBUAH (1) MITSHUBISHI PAJERO HIGH ROOF WAGON - BG9653**
- 8. SEBUAH (1) DAIHATSU LIGHT TRUCK - BG 9497**
- 9. SEBUAH (1) HINO ZH100 WATER TANKER - BG 5834**
- 10. SEBUAH (1) MITSUBISHI L200 DOUBLE CAB - BG 9097**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. **Kenderaan** yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
2. Pihak penender/syarikat adalah bertanggungjawab untuk **memeriksa dan meneliti** keadaan Kenderaan yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran.
3. Tarikh melihat kenderaan - kenderaan tersebut ialah **pada 2 Disember 2023 hingga 16 Disember 2023 (waktu bekerja) Jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 2.00 Petang hingga 3.00 petang. Bertempat di Bengkel Jabatan Daerah Tutong, Jln Pantai Seri Kenangan, kampung sengkara, Tutong TUT TA2341, Negara Brunei Darussalam.**
4. Sebarang pertanyaan lanjut mengenainya bolehlah **menghubungi Ak Yahaya bin Pg Abu Talib, Fomen Bengkel, Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah di nombor 4261644/5 semasa waktu pejabat.**
5. Pihak penender/syarikat yang berminat bolehlah mendapatkan Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran Yuran Tawaran dibuat di **Unit Kewangan dan Stor, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong TA1141**, Brunei Darussalam pada setiap hari bekerja sahaja iaitu:

6.

ISNIN KHAMIS	HINGGA	8.00 Pagi hingga 12 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang
SABTU		8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi

7. Borang Penyertaan Tawaran Lelong yang lengkap diisikan hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga, Tingkat 4, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam** dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk '**JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM, BILANGAN PDT/97/1967/3 – 2023**' dan mesti dicop terima terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang telah disediakan.

8. Caj borang tawaran dikenakan dengan harga **\$30.00 bagi setiap satu Tawaran (Tidak Dikembalikan).**
9. **Tarikh tutup tawaran** adalah pada Hari Isnin 18 Disember 2023, Jam 2.00 pagi dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
10. Setiap satu (1) borang penyertaan tawaran lelong hanya mengandungi satu (1) tawaran sahaja. Harga indikasi adalah harga yang dijadikan sebagai garispandu harga tawaran permulaan sahaja.
11. Pihak penender atau syarikat yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh tiga (3) hari waktu pejabat selepas dimaklumkan / pemberitahuan. Jika gagal menjelaskannya maka barangan / kenderaan berkenaan akan ditawarkan kepada penender / syarikat yang lain.
12. Pihak penender / syarikat yang telah berjaya hendaklah dengan **SEGERA MEMINDAHKAN** kenderaan tersebut **TIDAK LEWAT TUJUH (7) HARI** selepas pembayaran dibuat dan pihak Jabatan Daerah Tutong tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan / kehilangan dalam tempoh tersebut.
13. Jika pihak penender / syarikat yang telah berjaya, **GAGAL MEMINDAHKAN** barangan/ kenderaan tersebut dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** selepas membuat pembayaran, barangan / kenderaan berkenaan akan menjadi **HAK MILIK jabatan semula dan berhak untuk melelong semula barangan / kenderaan berkenaan. Pembayaran wang yang telah dijelaskan TIDAK akan dikembalikan.**
14. Pihak penender / syarikat adalah dikehendaki untuk membaca dan memahami dengan jelas keseluruhan isi kandungan, syarat-syarat atau butiran-butiran yang terkandung di BORANG PENYERTAAN.
15. Pihak penender / syarikat yang tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat atau butiran-butiran yang terkandung di Lampiran A ini tidak akan dilayan atau dipertimbangkan dengan serta-merta.
16. Jabatan Daerah Tutong berhak menerima atau menolak mana-mana pihak penender / syarikat pada bila-bila masa tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada pihak penender / syarikat yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak jabatan untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada penender / syarikat yang terlibat.
17. Pihak Jabatan Daerah Tutong adalah tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran penender / syarikat
18. Keputusan Jabatan Daerah Tutong adalah MUKTAMAD dan tidak diperlukan untuk memberi sebab atau alasan penolakan kepada mana-mana pihak penender / syarikat